

Wajib pamer senarai harga barang

Kuala Lumpur: Pengusaha perkhidmatan gunting rambut dan salon kecantikan perlu memamerkan senarai harga setiap barangan tambahan serta caj servis dikenakan di premis masing-masing.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Alexander Nanta Linggi, berkata dengan senarai itu, pelanggan dapat menyamak harga lebih awal dan mengelakkan kekeliruan berhubung caj.

Beliau berkata, pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bermulih (PKPP) menyaksikan banyak sektor ekonomi dibuka semula secara berperingkat, termasuk khidmat kedai gunting dan salon kecantikan yang lama dinantikan pelbagai pihak.

Katanya, operasi gunting rambut

serta salon kecantikan, masih terakluk prosedur operasi standard (SOP) seperti pemakaian pelitup muka, apron pakai buang oleh pekerja, pemakaian set sarung tangan dan apron pakai buang setiap pelanggan dan jarak 2 meter di antara kerusi tukang gunting.

"Saya ambil maklum saranan meminta pengusaha menyediakan apron pakai buang berbeza untuk setiap pelanggan dan tidak boleh menggunakan tuala yang dikongsi.

"Berikutan pengumuman itu, saya dimaklumkan wakil Gabungan Pendandan Rambut Malaysia menyuarakan kenaikan caj pemotongan dan dandanan rambut di antara RM5 hingga RM10 bagi setiap pelanggan berikutan peningkatan kos operasi menyediaan peralatan untuk mematuhi SOP," katanya dalam kenya-

taan, semalam.

Nanta Linggi mengingatkan, hanya kos barangan seperti pelitup muka, apron pakai buang dan sarung tangan serta cecair sanitasi yang ditanggung pekedai, boleh dicala kepada pelanggan, selain kos asal upah gunting.

"Saya ingin memberikan contoh dengan andaian barangan tambahan terabit adalah apron plastik penutup badan pengguna berharga RM3, kos sarung tangan 50 sen dan cecair sanitasi 30 sen, maka jumlah kos tambahan boleh dikenakan adalah RM3.80 sahaja.

"Pengusaha kedai gunting rambut tidak boleh mengenakan caj tambahan sehingga RM10. Pengguna boleh mengemukakan aduan terhadap mana-mana pengusaha mengenakan caj tambahan tidak munasabah," tegasnya.

Sementara itu, Pengarah Baha-

gian Penguat Kuasa KPDNHEP, Datuk Iskandar Halim Sulaiman, berkata pengusaha kedai gunting rambut dan salon berdepan hukuman penjara atau denda maksimum RM100,000 jika disabit kesalahan kerana mengenakan caj tidak munasabah.

Katanya, ia berikutan pengusaha terabit boleh disiasat mengikut Seksyen 14 Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (AKHAP) 2011 bagi kesalahan itu.

Sehubungan itu, beliau berkata, pengusaha perlu mengenakan caj tambahan mengikut kos sebenar dan mengambil kira pembelian barangan terabit secara pukal.

"Peniaga perlu mematuhi perundangan yang dikuatkuasakan dan tidak seharusnya menaikkan harga dengan alasan untuk menampung kerugian dialami secara mendadak," katanya.



Pengguna boleh mengemukakan aduan terhadap pengusaha mengenakan caj tambahan tidak munasabah.

Alexander Nanta Linggi,
Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna